

04 SEP 1999

Abdullah-Ekonomi

EKONOMI M'SIA TIDAK TERJEJAS JIKA DISERANG SEKALI LAGI

KEPALA BATAS, 4 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata, ekonomi Malaysia kini berada dalam keadaan selamat dan tidak akan terjejas sekiranya berlaku serangan mata wang sekali lagi oleh penyangak mata wang asing.

Katanya, perkara ini turut diakui penganalisis ekonomi asing termasuk dari Singapura yang menyifatkan tindakan kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani krisis ekonomi negara terbukti berjaya.

Katanya, dasar kawalan mata wang dan penetapan kadar pertukaran ringgit pada tahap RM3.80 berbanding AS\$1 telah membawa banyak manfaat kepada peniaga dan pengeksport.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan muzakarah guru-guru agama di masjid dan surau peringkat negeri di sini, beliau berkata, dengan cara itu tiada lagi orang yang boleh membuat spekulasi terhadap mata wang negara kerana ringgit Malaysia tidak lagi laku diniagakan di luar negara.

Bagaimanapun, tindakan Malaysia itu tidak disenangi dan menerima banyak pandangan dan gesaan daripada "orang luar" yang mahu supaya kerajaan menarik balik langkah kawalan mata wang itu serta membiarkan pasaran terbuka menentukan nilai mata wang negara.

Abdullah berkata, kerajaan mementingkan pandangan rakyat dalam perkara ini dan setakat ini mereka tidak pernah menyatakan perasaan tidak senang hati dengan tindakan kerajaan.

Malahan, katanya, penetapan nilai ringgit menyebabkan barangan Malaysia lebih kompetitif dan berdaya saing di pasaran dan ini membawa lebih keuntungan kepada peniaga dan pengeksport.

"Kita tidak payah sibuk-sibuklah. Biarlah orang lain cakap begitu tetapi hakikatnya usaha pemulihan ekonomi negara telah berjaya dan kita harus mengukuhkan pendekatan itu agar ia membawa kemakmuran kepada negara," katanya.

Beliau berkata, sejak langkah pemulihan itu berhasil, ekonomi negara bertambah baik dan simpanan negara juga meningkat malahan jauh lebih besar berbanding semasa sebelum krisis ekonomi melanda negara dan rantau ini.

Abdullah berkata, rakyat patut bersyukur dengan pencapaian ini dan harus bersatu menyokong tindakan kerajaan dalam mengatasi masalah ekonomi.

Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan akhbar mengenai cubaan serangan kali kedua ke atas ekonomi Thailand, yang sedang dalam proses pemulihan itu.

Terdahulu itu, ketika berucap, beliau berkata, umat Islam di zaman moden perlu berusaha mengekalkan keagungan dan kejayaan umat Islam di zaman silam supaya mereka sentiasa dihormati dan digeruni masyarakat dunia.

Beliau mengingatkan umat Islam di negara ini supaya jangan terlalu leka dan berbangga dengan pencapaian dan keagungan Islam di zaman silam tanpa melakukan sesuatu untuk meningkatkan imej, pengetahuan dan penguasaan mereka dalam pelbagai bidang pada ketika ini dan masa akan datang.

Katanya, tidak menjadi kesalahan berbangga dengan sejarah keagungan Islam itu tetapi yang lebih penting ialah menterjemahkan ajaran Islam dan pencapaian itu dalam rancangan pembangunan yang berdaya maju agar umat Islam menguasai pelbagai bidang.

Umat Islam perlu meluaskan penglibatannya dalam pelbagai aktiviti kehidupan dan tidak tertumpu hanya kepada bidang tradisionalnya seperti soal undang-undang kekeluargaan Islam dan institusi zakat, katanya.

Beliau meminta umat Islam supaya berusaha memajukan diri dan menguasai ilmu pengetahuan agar dapat menerokai bidang-bidang yang sebelum ini dikuasai masyarakat lain.

-- BERNAMA

ZU AKD